



Ulang Tahun Umno ke-60

Istana Besar Johor, 11 Mei 2006



PEJUANG BANGSA: Tengku Mahkota Johor, Tengku Ismail menaikan bendera Umno di Padang Pejabat Kerajaan Batu Pahat, Johor pada 3 Februari 1947.



SAMPAI AMANAT: Sultan Ibrahim bertitah sempena Mesyuarat Agung Umno di Istana Besar Johor pada September 1947.

Istana Besar saksi perjuangan Melayu

Raja, rakyat bersatu menentang penjajahan British, teruskan survival bangsa

Oleh Johan Afandi

TERSERGAM indah berbadan perairan Selat Johor, Istana Besar, walaupun kini, tidak lagi diduduki Sultan Johor selepas pembinaan Istana Bukit Serene tetapi ia terus menjadi lambang ke-sultanan Johor.

Selain itu, Istana Besar Johor yang juga Muzium Diraja menyimpan seribu satu sejarah semangat perjuangan orang Melayu menentang penjajah British.

Apakah, istana yang menjadi kebanggaan rakyat Johor ini, menjadi saksi terhadap kelahiran satu parti yang mencetuskan gerakan menentang Malayan Union, seterusnya membolehkan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Tarikh keramat 11 Mei 1946, pastinya perlu diingat, bukan saja ahli Umno tetapi juga bangsa Melayu dan rakyat negara ini, kerana ia menjadi titik permulaan kepada kewujudan parti yang menjadi teras dalam memperjuangkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Kira-kira 60 tahun lalu, pada tarikh keramat ini, Umno, nama singkatannya kepada United Malay National Organisation atau dalam bahasa Melayunya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, lahir secara rasminya, di sebuah institusi yang dipandang tinggi dalam struktur sosial masyarakat Melayu zaman itu iaitu Istana Besar.

Lahir di Istana Besar menjadi bukti bahawa kewujudan Umno yang diilhamkan oleh orang kebanyakan di angkat ke martabat paling tinggi dalam struktur sosial orang Melayu dengan pem-bahitan Sultan dan Raja-Raja Melayu.

Ia juga menjadi nadi dan teras dalam kewujudan Umno bagi menyinkronkan Malayan Union serta mem-buktikan kepada penjajah British ba-

hawa orang Melayu mencapai kesepakan bukan sekadar di kalangan masyarakat biasa tetapi juga dalam institusi Sultan dan Raja Melayu.

Semua lapisan masyarakat Melayu ketika itu sadar bahawa survival bangsa ini, hanya dapat diteruskan sekiranya mereka bersatu padu dan bekerjasama bukan setakat di kala-kalau orang biasa tetapi juga Sultan dan Raja-Raja.

Melalui kelahiran itu juga, perjuangan orang Melayu menjadi lebih ter-susun, sekali gus, mengusulkan pen-jajah British melalui penentangan tanpa pertumpahan darah tetapi pe-nuh emosi dan mampu mengugut ego British serta institusi rajanya.

Mengambil inisiatif kira-kira 70 hari selepas mesyuarat Kongres Mela-yu pertama pada 1 hingga 4 Mac 1946 di bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lum-pur, pengasas Umno, Datuk Onn Ja-far memanggil kongres-kedua di Istana Besar.

Jika pada kongres pertama, ia di-buka secara rasminya oleh Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah, kongres kedua di Istana Besar dibuka oleh pewaris takhta kesul-tanan Johor iaitu Tengku Mahkota Ismail Pemangku Raja Johor.

Datuk Onn ketika memanggil mesyuarat kongres kedua itu tidak mem-punyai tujuan lain selain memperper-tinggi dalam struktur sosial ma-yarakat Melayu zaman itu iaitu Istana Besar.

Sebanjak 29 pertubuhan Melayu menghantar wakil dalam mesyuarat Kongres Melayu Kedua di Istana Besar dan tepat jam 10.30 pagi, Tengku Mahkota Ismail berangkat tiba dengan di-sambut Pengerusi Jawatankuasa Sam-butan, Ahmad Mohamad Shah.

Tengku Mahkota Ismail dalam ti-tah perasmianya begitu gembira de-

ngan mesyuarat kedua Kongres Mela-yu itu.

Antara lain titah perasmian Tengku Mahkota Ismail: "Dengan hati yang sangat ria, saya melihat kedatangan tuan-tuan yang begini ramai dari semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini ke-rana hendak sama-sama muafakat menjalankan pekerjaan Kongres dan dari ini, hampaklah kepada saya dan kepada tuan-tuan sekalian juga yang kita bangsa Melayu yang sedia dan hendak bersatu dengan tujuan men-guatkan pendirian bangsa kita dan memelihara tanah air kita sendiri."

Kedatang tuan-tuan ke mari ada memberi sukacita yang amat besar kepada saya dan saya menerima tu-an-tuan sekalian dengan hati yang tulus ikhlas. Saya harap kerja yang hendak tuan jalankan di sini dalam dua hari ini akan jaya dengan caktuk. Semuanya juga saya ucapkan selamat kepada tuan-tuan semua dan saya serukan persidangan mesyuarat ini dibuka dan dimulakan."

Selepas menyampaikan titah ucapan perasmianya, Tengku Mahkota Ismail kemudian bergambar kenangan dengan 58 wakil semua per-tubuhan berkenaan dan selepas majlis perasmianya, Tunku Mahkota berangkat keluar untuk jamuan teh.

Persidangan dimulakan dengan Datuk Onn dipilih sebagai pengerusi secara sebulat suara, dan perkara paling penting serta utama yang di-lakukan Datuk Onn ialah menyetujui penubuhan Umno dengan meluluskan Rang Surat Tauliah Pertubuhan itu, hasil mesyuarat kongres yang pertama di Kuala Lumpur.

Semua 29 wakil dalam mesyuarat kongres itu kemudian membahaskan Rang Surat Tauliah (Piagam) dan kem-udian beberapa pindaan dilakuka-n, diluluskan sebelum disahkan. Semuanya, dilakukan mengikut ta-

tasusila dan budaya orang Melayu yang terkenal dengan kelembutan dan dengan itu, secara rasminya ter-tubuhlah UMNO, yang namanya di-pilih, hasil buah fikiran Datuk Onn dan Pendeta Zaaba.

Mesyuarat juga sebulat suara, ber-setuju supaya peruntukan RM100,000 daripada wang Umno diberikan se-bagai perbelanjaan wakil yang akan di-hantar ke England.

Sebagai tanda penghargaan terha-dap sokongan Sultan dan Raja-Raja Melayu, mesyuarat Umno yang per-tama itu juga bersetuju untuk mem-bentuk satu jawatankuasa iaitu Ja-watankuasa Perhubungan Umno dan Raja-Raja.

Malah, cogan kebangsaan Umno yang digunakan untuk setiap surat rasmi parti itu hingga kini iaitu 'Hi-dup Melayu' diilhamkan dalam mesyuarat kedua di Istana Besar.

Pada Mei itu juga, dua ahli Parli-men British iaitu Kapten L. D Gam-mans dari Parti Konservatif dan Lt Kol Rees Williams dari Parti Buruh dijemput Umno untuk menyaksikan situasi sebenar kebangkitan bangsa Melayu menentang Malayan Union.

Ketika itu, orang Melayu di seluruh negeri Tanah Melayu yang dilawati dua Ahli Parlimen British keluar be-ramal-ramal mengadakan perarakan dan perhimpunan rasmi ke Istana Besar Johor terus menjadi saksi kepada gelombang kebangkitan perjuangan politik orang Melayu ke-tika lawatan pertama Gammans dan Williams ke negeri di Tanah Melayu.

Dianggarkan, lebih 50,000 orang Melayu berhimpun di hadapan Istana Besar Johor dalam satu per-jumpaan bantahan dan antara in-tipati ucapan yang disampaikan ke-pada Gammans, adalah merujuk ke-pada 'roh dan semangat Raja-Raja Melayu dan rakyatnya sudah dice-raikan daripada mereka.' Itulah gambaran berhubung kesan kewu-judan Malayan Union.

pilih sebagai pengganti, jika salah seorang daripada tiga yang dipilih tidak dapat mengikuti rombongan tersebut.

Mesyuarat juga sebulat suara, ber-setuju supaya peruntukan RM100,000 daripada wang Umno diberikan se-bagai perbelanjaan wakil yang akan di-hantar ke England.

Sebagai tanda penghargaan terha-dap sokongan Sultan dan Raja-Raja Melayu, mesyuarat Umno yang per-tama itu juga bersetuju untuk mem-bentuk satu jawatankuasa iaitu Ja-watankuasa Perhubungan Umno dan Raja-Raja.

Malah, cogan kebangsaan Umno yang digunakan untuk setiap surat rasmi parti itu hingga kini iaitu 'Hi-dup Melayu' diilhamkan dalam mesyuarat kedua di Istana Besar.

Pada Mei itu juga, dua ahli Parli-men British iaitu Kapten L. D Gam-mans dari Parti Konservatif dan Lt Kol Rees Williams dari Parti Buruh dijemput Umno untuk menyaksikan situasi sebenar kebangkitan bangsa Melayu menentang Malayan Union.

Ketika itu, orang Melayu di seluruh negeri Tanah Melayu yang dilawati dua Ahli Parlimen British keluar be-ramal-ramal mengadakan perarakan dan perhimpunan rasmi ke Istana Besar Johor terus menjadi saksi kepada gelombang kebangkitan perjuangan politik orang Melayu ke-tika lawatan pertama Gammans dan Williams ke negeri di Tanah Melayu.

Dianggarkan, lebih 50,000 orang Melayu berhimpun di hadapan Istana Besar Johor dalam satu per-jumpaan bantahan dan antara in-tipati ucapan yang disampaikan ke-pada Gammans, adalah merujuk ke-pada 'roh dan semangat Raja-Raja Melayu dan rakyatnya sudah dice-raikan daripada mereka.' Itulah gambaran berhubung kesan kewu-judan Malayan Union.

Ketika itu, orang Melayu di seluruh negeri Tanah Melayu yang dilawati dua Ahli Parlimen British keluar be-ramal-ramal mengadakan perarakan dan perhimpunan rasmi ke Istana Besar Johor terus menjadi saksi kepada gelombang kebangkitan perjuangan politik orang Melayu ke-tika lawatan pertama Gammans dan Williams ke negeri di Tanah Melayu.

Dianggarkan, lebih 50,000 orang Melayu berhimpun di hadapan Istana Besar Johor dalam satu per-jumpaan bantahan dan antara in-tipati ucapan yang disampaikan ke-pada Gammans, adalah merujuk ke-pada 'roh dan semangat Raja-Raja Melayu dan rakyatnya sudah dice-raikan daripada mereka.' Itulah gambaran berhubung kesan kewu-judan Malayan Union.

FAKTA

Pengasas rasmi penubuhan Umno pada 11 Mei 1946 itu terdiri daripada 29 wakil persatuan Melayu

- Onn Jaafar bagi pihak Pergerakan Melayu Semenanjung dari Johor.
- Kapten Ahmad Mohammad Don (Persekutuan Melayu Klang dari Johor).
- Mohammad Rejab Darus (Kesatuan Melayu Kedah).
- Senu Abdul Rahman (Seberkas, Kedah).
- Abdul Wahab Abdul Aziz (Persatuan Melayu Kelantan).
- Ahmad Jamal (Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka).
- Tunku Hussain Tunku Yahaya (Persekutuan Melayu Negeri Sembilan).
- Mohammad Nor Sulaiman (Persatuan Melayu Pahang).
- Ahmad Malek (Persatuan Melayu Seberang Prai, Pulau Pinang).
- Ibrahim Mahmood (Kesatuan Melayu Pulau Pinang).
- Abdul Wahab Abdul Aziz (Perikatan Melayu Perak).
- Mohammad Tahir Setia Raja (Persatuan Melayu Perak).
- Baharum Mohammad Mohidin (Persatuan Muslim Teluk Ansonlin, Perak).
- Raja Loop Raja Mohammad (Persatuan Melayu Cendering, Perak).
- Ahmad Abdullah (Persekutuan Muhibbah Malam Navar, Perak).
- Salleh Osman (Persatuan Melayu Perlis).
- Mohamad Eunus Abdul Hamid (Persatuan Melayu Selangor).
- Hamzah Abdullah (Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor).
- Zainal Abidin Osman (Ikatan Setia Kampung Baru, Selangor).
- Baginda Buyong Baginda Kassim (Persatuan Pinang Peranakan, Selangor).
- Ali Arshad (Devan Perniagaan Melayu Melayu, Selangor).
- Raja Abdul Rahman Raja Yusof (Persatuan Penghulu-Penghulu, Selangor).
- Omar Abu Hassan (Darul Ihsan Kelab Jeram, Selangor).
- Fatimah Musa (Persatuan Kaum Ibu Selangor).
- Ahmad Mahidin Hassan (Persekutuan Baweian Selangor).
- Nordin Nawi (Persatuan Melayu Ulu Selangor, Selangor).
- Loop Salleh Long (Persatuan Melayu Sabak Bernam, Selangor).
- Dr Burhanuddin Mohammad Nor (Parti Kebangsaan Melayu Se-Malaya, Selangor).
- Abdul Rahman Ibrahim (Kesatuan Melayu Singapura).

Surat Tauliah jadi garis panduan

Surat Tauliah jadi garis panduan

SERENTAK pemilihan Datuk Onn sebagai Yang Dipertua Umno pertama pada mesyuarat Kongres Melayu kedua di Istana Besar, Johor pada 11 dan 12 Mei 1946, Majlis Mesyuarat Agung Umno yang pertama juga dilaksanakan.

Seorang pengerusi sementara di-lantik iaitu Datuk Panglima Bukit Gantang (Tuan Haji) Abdul Wahab dari Perak.

Dalam persidangan itu Surat Tauliah atau Piagam Umno di persetujui dan kemudiannya menjadi garis panduan kepada Perlembagaan Umno yang ada pada masa ini.

Piagam itu kemudian ditandatangani semua ketua wakil yang hadir pada mesyuarat kongres kedua itu dan secara automatik, menjadi pengasas rasmi kepada Umno.

Semua yang menandatangani Piagam Umno yang pertama itu, kemudian membuat perisytiharan bagi pihak persatuan masing-masing, mengaku dan bersetuju butiran ber-ikut:

1) Hendaklah ditubuhkan Pertubuhan Pusat yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) yang ibu pejabatnya di Johor Bahru dan persekutuan kami masing-masing menjadi ahli pengasasnya.

2) (i) Kuatkuasa yang diletakkan di dalam pertubuhan itu antara lain adalah:

(a) Bagi meninggalkan dengan se-gala cara yang menurut undang-undang tujuan yang sama dari ahlinya dan bagi menjalankan sebarang per-buatan di dalam segala perkara yang akan diamahankan kepadanya oleh sebuah atau lebih ahli.

3) Sebarang Persekutuan Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang mempunyai lebih seribu ahli dan yang mempunyai tujuannya termasuk memajukan dan memperbaiki keadaan orang Melayu dari atau di dalam Semenanjung Tanah Melayu bolehlah dengan membuat permin-taan diterima menjadi ahli pertubuhan.

4) Pertubuhan akan terdiri dari-pada:

- a) Majlis Mesyuarat Agung
- b) Jawatankuasa Kerja
- c) Setiausaha Agung

5) Majlis Mesyuarat Agung hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua wakil daripada sebuah ahli dan hendaklah bersidang sekali setahun; persidangan yang pertama seumpama itu hendaklah diadakan pada atau sebelum 12 Mei 1946.

6) Majlis Mesyuarat Agung hendaklah mempunyai kuasa menubuhkan sebarang jabatan yang difikirkan mustahak bagi mencapai tujuan dan cita-cita Umno.

7) Yang Dipertua Pertubuhan hendaklah dipilih dan diangkat dalam satu persidangan Majlis Mesyuarat Agung dan hendaklah memegang jawatannya sehingga diangkat Yang Dipertua baru.

8) Yang Dipertua, Setiausaha dan pegawai-pegawai pengerusi bagi se-barang Jawatankuasa kecil seperti yang tersebut dahulu adalah menjadi ahli jawatankuasa kerja.

9) Setiap ahli pertubuhan perlu memberi bayaran kepada wang kumpulan di bawah kawalan per-tubuhan dan jumlahnya akan di-tetapkan Majlis Mesyuarat Agung.


Lahirnya Sebuah Negara Bangsa




DEMI MARUAH BANGSA: Perhimpunan Agung kaum ibu Umno Melayu yang diadakan di Istana Besar pada September 1948.




PEMIMPIN BERJASA: Datuk Onn Jaafar berbincang sesuatu dengan peguam rasmi Umno, Datuk Sir Roland Brandell.



PEJUANG BANGSA: Pengasas Umno bergambar beramal-ramal dihadapan Istana Besar pada Mei, 1946.



RANGKA PERJUANGAN: Kongres Melayu Kedua yang diadakan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 hingga 12 Mei 1946.



SERI KANDI NEGARA: Perwakilan kaum Ibu parti politik dari seluruh Tanah Melayu yang menghadiri kongres Melayu Ketiga di Istana Besar Johor Bahru.



JASA DIKENANG: Ahli yang bertanggungjawab dalam upacara bersejarah menaikkan bendera Umno buat pertama kali di Istana Besar Johor pada tahun 1946.

Kongres bincang penubuhan Umno, pilih wakil ke London

MESYUARAT kedua Kongres Melayu kedua di Istana Besar, Johor Bahru, Johor pada 11 dan 12 Mei 1946 mempunyai dua titik penting iaitu di-satukannya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) dan penghantaran wakil orang Melayu menyertai rombongan Sultan serta Raja ke London untuk bertemu dengan pemerintah British.

Datuk Onn Jaafar yang dipilih sebulat suara 58 wakil daripada 29 pertubuhan yang menghadihi mesyuarat berkenaan bertindak pantas bagi menghantar tiga wakil Umno ke London untuk bertemu pemerintah British.

Penghantaran tiga wakil itu adalah satu tugas dan tanggungjawab yang berat harus dipikul Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman dan Datuk Panglima Bukit Gantang bagi memastikan tercapainya survival orang Melayu menentang Malayan Union.

Justeru, mesyuarat mengeluarkan satu garis panduan dikenali sebagai 'Perintah kepada Wakil ke England' supaya ketiga-tiga wakil Umno itu benar-benar dapat memperjuangkan nasib dan membela orang Melayu.

Perintah itu adalah: "Hendaklah kamu belayar ke England apabila dapat ditentukan kenakan supaya membentangkan kepada rakyat British dan ahli Mesyuarat British dan kepada pertubuhan siasah dan lain-lain pertubuhan yang me-wakili suara rakyat, akan bantahan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) mewakili umat Melayu dalam Semenanjung Tanah Melayu ini, di atas Kesetiaan Negeri-negeri Melayu.

● Perjanjian yang ditandatangani Raja Raja Melayu itu dan Sir Harold Mac Michael wakil khas bagi Raja British

ialah perjanjian itu tidak diakui oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dan yang demikian itu di-satukan tidak sah di atas umat Melayu yang menjadi rakyat Raja-raja itu.

● Supaya menentang bagi dikembalikan taraf Negeri-Negeri Melayu menjadi Negeri Melayu yang merdeka.

● Supaya dijalankan langkah atau lain pekerjaan yang akan memelihara Kemerdekaan Negeri Melayu yang merdeka.

Melalui perintah berkenaan, ia menjadi garis panduan kepada wakil Umno untuk berjumpa dengan pemerintah British bagi meluahkan perasaan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

Selain itu, dua negeri lain iaitu Pulau Pinang dan Melaka turut dimasukkan di dalam Perjanjian itu dan cara memasukkan, tidak merosakkan taraf serta pendirian negeri Melayu itu.

Selagi rundingan atau perjanjian yang akan dibuat hendaklah bersyarat dengan perjanjian Mac Michael 1946 dimansuhkan.



SEMANGAT NASIONALISME: Ahli Umno Johor Bahru berarak ke Bangunan Pejabat Kerajaan Johor bagi mendapat restu untuk menetapkan tarikh kemerdekaan.



TUNTUT KEMERDEKAAN: Ahli Umno di Johor Bahru turut serta pada rapat umum menuntut kemerdekaan.



BERSATU HATI: Pemimpin Pemuda Umno Johor berarak ke bangunan Pejabat Kerajaan Johor bagi mendapat restu untuk menetapkan tarikh kemerdekaan.